



**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 1 – SESSION 2017/2018  
PROGRAM KERJASAMA**

**COURSE CODE** : DDWW 1113 / DDWG 1513 / DDPW 1113  
*KOD KURSUS*

**COURSE NAME** : FINANCIAL ACCOUNTING 1 / FINANCIAL ACCOUNTING I  
*NAMA KURSUS* : PERAKAUNAN KEWANGAN 1 / PERAKAUNAN KEWANGAN I

**YEAR / PROGRAMME** : 1 DDWW / DDWG / DDPW  
*TAHUN / PROGRAM*

**DURATION** : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT  
*TEMPOH*

**DATE** : OCTOBER / NOVEMBER 2017  
*TARIKH*

**INSTRUCTION** : Answer all questions in the answer booklet provided.  
*ARAHAN* : [Jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.]

(You are required to write your name and your college's name on your answer script)  
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

<b>NAME / NAMA PELAJAR</b>	:	.....
<b>I.C NO. / NO. K/PENGENALAN</b>	:	.....
<b>YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS</b>	:	.....
<b>COLLEGE NAME NAMA KOLEJ</b>	:	.....
<b>LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH</b>	:	.....

This examination paper consists of 9 pages including the cover  
Kertas soalan ini mengandungi 9 muka surat termasuk kulit hadapan



**PUSAT PROGRAM KERJASAMA**

**PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK  
ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK**

**1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN**

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan makluman yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

**2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN**

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
- 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

Answer ALL questions.

Jawab SEMUA soalan.

(TOTAL 100 marks)

[JUMLAH 100 markah]

Q1. Match each of the following statements with its proper term. Only **ONE** answer is applicable for each statement. [Padankan setiap pernyataan berikut dengan istilah yang sesuai. Cuma **SATU** jawapan sahaja yang dapat dikaitkan untuk setiap pernyataan.]

A. Bad debts [Hutang lapuk]	G. Accounting period [Tempoh perakaunan]	M. Materiality concept [Konsep materialiti]	S. Allowance for doubtful debts [Peruntukan hutang ragu]
B. Accrued expenses [Belanja terakru]	H. Trial balance [Imbangan duga]	N. Current asset [Aset semasa]	T. Balance of the account [Imbangan akaun]
C. Trade discounts [Diskaun niaga]	I. Purchases [Belian]	O. Discount allowed [Diskaun diberi]	U. Going concern concept [Konsep usaha berterusan]
D. Asset [Aset]	J. Prepaid revenue [Hasil prabayar]	P. Accrual Concept [Konsep akruan]	V. Double-entry accounting [Perakaunan catatan bergu]
E. Understandability [Kebolehfahaman]	K. Owner's equity [Ekuiti pemilik]	Q. Matching concept [Konsep pemadanan]	W. Accounting equation [Persamaan perakaunan]
F. Adjusted cashbook [Buku tunai terlaras]	L. Depreciation expense [Belanja susut nilai]	R. Bank reconciliation [Penyesuaian bank]	X. Accumulated depreciation [Susutnilai terkumpul]

- Assets of an entity may be financed either by external borrowing or liabilities, or from internal sources of finance such as capital or equity. [Aset sesebuah entiti boleh dibiayai samada melalui pinjaman luaran atau liabiliti atau daripada sumber pembiayaan dalaman seperti modal atau ekuiti.]
- An item of value held by an entity that is going to generate income in the future. [Sesuatu item bernilai dan dimiliki oleh sesebuah entiti yang dapat menjanakan pendapatan pada masa hadapan.]
- Income and expense must be recognized in the accounting periods to which they relate rather than on cash basis. [Hasil dan belanja mesti diiktiraf di dalam tempoh perakaunan berkaitan berbanding berdasarkan asas tunai.]
- The portion of the cost of a fixed asset that is recorded as an expense each year of its useful life. [Sebahagian kos aset tetap yang direkodkan sebagai belanja setiap tahun sepanjang usia gunanya.]
- Financial statements usually show amounts rounded to the nearest ringgit, to the nearest thousand ringgit, or to the nearest million ringgit depending on the size of the company [Penyata kewangan biasanya menunjukkan nilai yang dibundarkan kepada ringgit terdekat, kepada ribu ringgit terdekat, atau kepada juta ringgit terdekat bergantung kepada saiz syarikat.]

6. A discount that is offered to customers as an incentive for timely payment of their liabilities in respect of credit purchases. *[Diskaun yang ditawarkan kepada pelanggan sebagai insentif untuk pembayaran tepat pada masanya ke atas liabiliti mereka dari segi belian kredit.]*
7. Expenses which have been incurred but not yet paid. *[Belanja yang telah ditanggung tetapi belum dibayar.]*
8. A business buy a new company with the assumption that the company can run for a future years. *[Sebuah perniagaan membeli syarikat baru dengan andaian bahawa syarikat tersebut boleh menjalankan perniagaan untuk tahun-tahun akan datang.]*
9. Cash and other assets that are expected to be converted to cash or sold or used up, usually within one year or less. *[Tunai dan aset-aset lain yang dijangka dapat ditukarkan kepada tunai atau dijual atau habis digunakan, biasanya dalam satu tahun atau kurang.]*
10. A system of recording transactions, based on recording increases and decreases in accounts so that debits equal credits. *[Satu sistem merekod transaksi, berdasarkan catatan pertambahan dan pengurangan di dalam akaun supaya debit sama dengan kredit.]*
11. The potential loss estimated at the end of each year due to uncollectible debts amount *[Anggaran kerugian potensi pada setiap akhir tahun ekoran jumlah hutang yang tidak dapat dikutip.]*
12. Transactions must be accounted for and presented in the financial statements in a manner that is easily understandable by a user who possesses a reasonable level of knowledge of the business. *[Transaksi mesti diterangkan dan disampaikan di dalam penyata kewangan dalam cara yang mudah difahami oleh pengguna yang memiliki tahap pengetahuan yang berpatutan tentang perniagaan.]*
13. A list of closing balances of ledger accounts on a certain date and is the first step towards the preparation of financial statements. *[Senarai baki akhir untuk akaun lejar pada tarikh tertentu dan merupakan langkah pertama ke arah penyediaan penyata kewangan.]*
14. Expenses should be recognized in the same accounting period as the related revenues. *[Perbelanjaan patut dikenalpasti dalam tempoh perakaunan yang sama seperti hasil yang berkaitan.]*
15. An analysis that explains the difference between the balance of a bank account shown in the company's records and the balance reported on the bank statement. *[Analisa yang menerangkan perbezaan di antara baki akaun bank yang ditunjukkan di dalam rekod syarikat dengan baki yang dilaporkan pada penyata bank.]*

**(Total [Jumlah] 15m)**

- Q2.** Shahputri sells goods on credit and has prepared the following information for the last two years. Her financial year ends on 30 June. *[Shahputri menjual barangan secara kredit dan telah menyediakan maklumat berikut bagi dua tahun yang lalu. Tahun kewangan beliau berakhir pada 30 Jun.]*

Description <i>[Keterangan]</i>	2016 (RM)	2017 (RM)
Trade Receivables at 30 June (before bad debts written off) <i>[Penghutang niaga pada 30 Jun (sebelum hutang lapuk dihapuskira)]</i>	140,000	145,000
Bad debts to be written off at 30 June <i>[Hutang lapuk perlu dihapuskira pada 30 Jun]</i>	1,600	1,800
Percentage allowance for doubtful debt <i>[Peratus peruntukan hutang ragu]</i>	2%	2%

**Required: *[Dikehendaki:]***

- a. Prepare accounts for Bad Debts, and Allowance for Doubtful Debts for the year ended 30 June 2016 and 30 June 2017.  
*[Sediakan akaun-akaun untuk Hutang Lapuk, dan Peruntukan Hutang Ragu untuk tempoh tahun berakhir 30 Jun 2016 dan 30 Jun 2017.]* **(10m)**
- b. Prepare the Statement of Comprehensive Income (extract) for the year ended 30 June 2017.  
*[Sediakan Penyata Pendapatan Komprehensif (petikan) bagi tahun berakhir 30 Jun 2017.]* **(3m)**
- c. State two reasons why might a debt be treated as irrecoverable?  
*[Nyatakan dua sebab mengapa sesuatu hutang perlu dianggap sebagai lapuk?]* **(2m)**

**(Total *[Jumlah]* 15m)**

- Q3.** TCSWK Company's non-current assets opening balances on 1 January 2016 were as follows:-  
*[Baki-baki awal aset bukan semasa Syarikat TCSWK pada 1 Januari 2016 adalah seperti berikut:-]*

Non-Current Asset <i>[Aset Bukan Semasa]</i>	Total Cost <i>[Jumlah Kos] (RM)</i>	Provision for Depreciation <i>[Peruntukan Susutnilai] (RM)</i>
Machinery <i>[Mesin]</i>	300,000	75,000
Motor Vehicles <i>[Kenderaan Bermotor]</i>	120,000	64,000

The company policy is to charge depreciation on **yearly basis**. The company depreciates its machine at a rate of 10% per annum using reducing balance method and motor vehicles using straight line method at rate of 20% per annum. *[Polisi syarikat ialah untuk mengenakan susutnilai mengikut asas tahunan. Syarikat menyusutnilaikan mesinnya pada kadar 10% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan dan kenderaan bermotor menggunakan kaedah garis lurus pada kadar 20% setahun.]*

During the year to 31 December 2016 the following transactions took place: *[Transaksi-transaksi berikut berlaku sepanjang tahun sehingga 31 Disember 2016:]*

- i) Purchased a machine by cheque on 1 July costing RM22,000 from KYS Sdn Bhd. In addition the company incurred installation charges of RM2,000. *[Sebuah mesin telah dibeli menggunakan cek pada 1 Julai bernilai RM22,000 daripada KYS Sdn Bhd. Sebagai tambahan, syarikat telah menanggung caj pemasangan sebanyak RM2,000.]*
- ii) Sold a motor vehicle on 1 March for RM18,000 by cash. It had originally been purchased on 1 January 2012 for RM75,000. *[Sebuah kenderaan bermotor telah dijual pada 1 Mac bernilai RM18,000 dengan tunai. Ia telah mula dibeli pada 1 Januari 2012 dengan harga RM75,000.]*

**Required: [Dikehendaki:]**

- a. Prepare the Machinery Account and Accumulated Depreciation Account for Machinery.  
*[Sediakan Akaun Mesin dan Akaun Susutnilai Terkumpul Mesin.]* **(6m)**
- b. Prepare the Accumulated Depreciation Account and Asset Disposal Account for Motor Vehicles.  
*[Sediakan Akaun Susutnilai Terkumpul dan Akaun Pelupusan Aset Kenderaan Bermotor.]* **(12m)**
- c. 'Although the straight-line method of depreciation is the simplest to apply, it may not always be the most appropriate'. Briefly explain.  
*[Walaupun kaedah susutnilai garis-lurus adalah yang paling mudah untuk digunakan, ianya mungkin bukan selalunya menjadi kaedah yang paling sesuai].* **(2m)**  
**(Total [Jumlah] 20m)**

Q4. The following information has been extracted from the books of PIT Bakery for the month of August 2017: [Maklumat berikut diambil daripada buku catatan PIT Bakery untuk bulan Ogos 2017:]

PIT BAKERY CASHBOOK						
Date	Description	Amount	Date	Description	Cheque No.	Amount
[Tarikh]	[Butiran]	[Jumlah]	[Tarikh]	[Butiran]	[No. Cek]	[Jumlah]
1-Aug	Balance b/d [baki b/b]	15,562	1-Aug	Ideas Bake Recipe	841	456
2-Aug	Melia CupCakes	481	6-Aug	Cook [Tukang masak]	842	850
2-Aug	Enigma Café	792	13-Aug	Bake [Bahan masak]	843	253
10-Aug	Bread Story	4,600	16-Aug	Cake [Kek]	844	653
13-Aug	Sales [Jualan]	232	23-Aug	Rent [Sewa]	845	200
20-Aug	Enigma Café	250	28-Aug	Butter [Mentega]	846	65
23-Aug	Coffeebucks	327	29-Aug	Flour [Gandum]	847	300
30-Aug	Sales [Jualan]	560	30-Aug	Soda [Soda]	848	191
30-Aug	Dunkin Donat	105	31-Aug	Balance c/d [Baki h/b]		19,941
		<u>22,909</u>				<u>22,909</u>

BANK KTD COMMERCE					
BANK STATEMENT FOR THE MONTH OF AUGUST 2017					
[Penyata Bank untuk bulan Ogos 2017]					
PIT BAKERY					
JALAN IPOH, PERAK					
Date	Particulars	Dr	Cr	Balance	
[Tarikh]	[Butiran]			[Baki]	
		RM	RM	RM	
Aug 1	Balance [Baki]			16,382	
2	700839	450		15,932	
2	Remittance [Penerimaan]		280	16,212	
5	700841	456		15,756	

5	Cheque Book [Buku Cek]	50		15,706	
5	700840	650		15,056	
5	Direct Transfer [Pindahan Terus]		2,000	17,056	
10	Counter Credit [Kredit di Kaunter]		4,600	21,656	
11	Cash [Tunai]		1,273	22,929	
11	Standing Order [Arahan Bayaran]	230		22,699	
13	700842	805		21,894	
13	Deposit [Deposit]		232	22,126	
15	Bounced Cheque [Cek Tendang]	4,600		17,526	
18	700843	253		17,273	
24	Counter Credit [Kredit di Kaunter]		327	17,600	
24	Remittance [Penerimaan]		250	17,850	
31	700846	650		17,200	
31	Bank Charge [Caj Bank]	10		17,190	

**Required: [Dikehendaki:]**

- a. Prepare the adjusted cashbook.  
[Sediakan buku tunai terlaras.] (8m)
- b. Prepare the bank reconciliation statement for PIT Bakery as at 31 August 2017.  
[Sediakan penyata penyesuaian bank untuk PIT Bakery pada 31 Ogos 2017.] (8m)
- c. Briefly explain TWO reasons why the balance shown in the cash book at the end of a given accounting period differs with that shown on the bank statement.  
[Jelaskan secara ringkas DUA sebab mengapa baki yang ditunjukkan di dalam buku tunai pada akhir tempoh perakaunan berbeza dengan yang ditunjukkan pada penyata bank.] (4m)
- (Total [Jumlah] 20m)**

**Q5.** The following balances were extracted from the books of IKIP Enterprise as at 30 June 2017 [Baki-baki berikut telah diambil daripada buku Perniagaan IKIP pada 30 Jun 2017]:

Accounts Name	Debit (RM)	Credit (RM)
Purchases / Sales [Belian / Jualan]	232,000	378,000
Return inwards / outwards [Pulangan masuk / keluar]	19,500	14,000
Drawings [Ambilan]	200	
Premises at cost [Premis pada kos]	300,000	
Office equipment at cost [Peralatan pejabat pada kos]	9,000	
Motor vehicles at cost [Kenderaan bermotor pada kos]	80,000	
Accumulated depreciation [Susutnilai terkumpul]		
- Office equipment [Peralatan pejabat]		1,800
- Motor vehicles [Kenderaan bermotor]		28,800
Inventory – 1 July 2016 [Inventori – 1 Julai 2016]	50,000	
Cash at Bank [Tunai di Bank]	22,600	
Trade receivables [Penghutang niaga]	81,600	
Trade payables [Pemiutang niaga]		108,000
8% Loan from KYM Bank [8% Pinjaman daripada KYM Bank]		120,000
Carriage inwards [Angkutan masuk]	4,000	
Rental received [Sewa diterima]		14,000
Discounts [Diskaun]	900	1,600
Insurance [Insurans]	3,000	
General expenses [Belanja am]	3,000	
Allowance for doubtful debts [Peruntukan hutang ragu]		1,000
Electricity and water [Elektrik dan air]	2,400	
Salaries and wages [Gaji dan upah]	15,000	
Printing and stationery [Percetakan dan alatulis]	1,000	
Motor vehicle expenses [Belanja kenderaan bermotor]	3,000	
Capital [Modal]		160,000
	<u>827,200</u>	<u>827,200</u>



**Additional information: [Maklumat tambahan:]**

- i. Inventories at 30 June 2017 were RM63,000. *[Inventori pada 30 Jun 2017 ialah RM63,000.]*
- ii. Depreciation on office equipment is charged at 10% per annum using the straight-line method. Whereas depreciation on motor vehicles is 20% on the reducing balance method. The firm does not depreciate its premises. *[Susutnilai ke atas peralatan pejabat pada kadar 10% setahun menggunakan kaedah garis lurus. Manakala susutnilai ke atas kenderaan bermotor ialah pada kadar 20% menggunakan kaedah baki berkurangan. Syarikat tidak menyusutnilaikan premisnya.]*
- iii. KYM Bank has approved the loan in January 2017 and charged interest at the rate of 8% per annum thereon. *[KYM Bank telah meluluskan pinjaman pada Januari 2017 dan mengenakan faedah pada kadar 8% setahun ke atasnya.]*
- iv. The accruals and prepayments for the period were as follows:- *[Akruan dan pendahuluan bagi tempoh kewangan adalah seperti berikut:-]*

Accruals [Akruan]	(RM)	Prepayments [Pendahuluan]	(RM)
Motor vehicle expenses <i>[Belanja kenderaan bermotor]</i>	700	Rental received <i>[Sewa diterima]</i>	400

- v. Bad debts of RM1,600 were to be written off during the year and it is the policy of the firm to provide 2% allowance for doubtful debts on the revised trade receivables' figure. *[Hutang lapuk sebanyak RM1,600 perlu dihapuskan untuk tahun tersebut dan polisi syarikat untuk menyediakan 2% peruntukan hutang ragu ke atas angka semakan penghutang niaga.]*

**Required: [Dikehendaki:]**

- a. Prepare a Statement of Comprehensive Income for the year ended 30 June 2017.  
*[Sediakan Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 30 Jun 2017.]* **(16m)**
- b. Prepare a Statement of Financial Position as at 30 June 2017.  
*[Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2017.]* **(12m)**
- c. Briefly explain the financial statements' qualitative characteristics of reliability and comparability.  
*[Terangkan secara ringkas ciri-ciri kualitatif penyata kewangan iaitu kebolehpercayaan dan kebolehbandingan]* **(2m)**

**(Total [Jumlah] 30m)**

**- END OF QUESTIONS [SOALAN TAMAT] -**

**Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong**

*[ This page is purposely left blank ]*